

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023

5228

PENDIDIKAN SYARI'AH ISLAMIAH

Oktober

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas skema ini mengandungi 9 halaman bercetak

BAHAGIAN A

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1	MEMELIHARA KEHORMATAN DIRI / MENUTUP AURAT	1M
2	CIRI-CIRI	1M
3	PEMBURUAN	1M
4	SAKSI	1M
5	AZ-ZAB	1M
6	AS-SYUMUL / MENYELURUH	1M
7	AS-SUKUTI	1M
8	HARUS	1M
9	ENAM	1M
10	KEEMASAN	1M
11	BELUM	1M
12	TAA'RUDH DAN TARJIH	1M
13	AL-MUA'WADHOT	1M
14	BAITULMAL	1M
15	HUKUM KANUN MELAKA	1M
16	X	1M
17	X	1M
18	/	1M
19	X	1M
20	/	1M

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
PSI Perlis 2023

BAHAGIAN B & C

NO. SOALAN		JAWAPAN	MARKAH	
1	(a)	<p>Tuntutan hukum dalam ayat di atas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wajib menasabkan anak angkat dengan nama bapa kandung • Anak angkat yang tidak diketahui bapa kandungnya, boleh dipanggil dengan panggilan "saudaraku" • Jika menasabkan anak angkat dengan nama bapa angkat, secara tidak sengaja adalah tidak berdosa, jika disengajakan dikira berdosa 	2 isi x 1m = 2m	
	(b)	<p>Kaedah ulamak mengistinbatkan hukum menasabkan anak angkat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan lafaz "ادعوهم" • فعل الأمر yang menunjukkan perintah. • Setiap perintah membawa hukum wajib. • Wajib menasabkan anak angkat kepada bapa kandung. 	4 isi x 1m = 4m	
	(c)	<p>Dua Kesan menasabkan anak angkat kepada nama bapa angkat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernikahan : Jika diwalikan oleh orang yang tidak sah nasab, seperti bukan bapa kandung, pernikahan tersebut tidak sah. • Nafkah dan tanggungjawab terhadap anak kandung lebih berat daripada anak angkat. • Perwalian : Wali berperanan penting dalam semua perkara seperti pengurusan harta, penjagaan anak yatim dan haji. • Pewarisan harta dan wasiat : Pembahagian harta pusaka kepada anak angkat bermakna memberi harta kepada yang bukan haknya kerana anak angkat hanya berhak mendapat wasiat dan hibah. • Pergaulan : Anak angkat merupakan bukan mahram. Pergaulan dengan keluarga angkat seperti batas aurat dan adab pergaulan perlu dijaga. 	2 isi x 2m = 4m	
	(d)	<p>Cara penyelesaian terbaik batas pergaulan antara anak angkat dengan keluarga angkat.</p> <p>Contoh jawapan:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 20%; text-align: center;">ISI</td> <td>Dengan memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak angkat dan anak kandung sejak kecil lagi terutama tentang aurat dan adab pergaulan dalam keluarga .</td> </tr> </table>	ISI	Dengan memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak angkat dan anak kandung sejak kecil lagi terutama tentang aurat dan adab pergaulan dalam keluarga .
ISI	Dengan memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak angkat dan anak kandung sejak kecil lagi terutama tentang aurat dan adab pergaulan dalam keluarga .			

			<p>HURAIAN</p> <p>HURAIAN LENGKAP</p> <p>HURAIAN LEBIH LENGKAP</p> <p>KESIMPULAN</p> <p>KESIMPULAN LENGKAP</p> <p>Agar mereka dapat membezakan antara perkara yang salah dan yang betul.</p> <p>Walaupun silaturahim antara anak angkat dan anak kandung perlu dipelihara sebaiknya, Islam tetap membatasinya kerana mereka bukan mahram/ajnabi.</p> <p>Contohnya menjaga batas pergaulan seperti sentuhan dan bahasa badan.</p> <p>Kesimpulannya syariat telah memberi panduan yang jelas mengenai batas pergaulan antara anak kandung dengan anak angkat.</p> <p>Untuk menjaga keharmonian dalam sebuah keluarga kerana masing-masing tahu peranan dan tanggungjawab walaupun berada dalam sebuah rumah yang sama.</p>	
			<p><u>ISI LAIN :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjaga batas pergaulan seperti sentuhan dan Bahasa badan antara anak angkat dengan keluarga angkat. • Menjaga batas aurat dalam kalangan ahli keluarga apabila anak angkat telah akil baligh kerana keluarga angkat bukanlah mahram. • Menyusukan anak angkat agar menjadi anak susuan. 	
	(e)		<p>Dua hujah menyokong : Anak angkat merupakan penyeri institusi keluarga yang tidak mempunyai anak.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan kebahagiaan kepada mereka yang tidak dikurniakan zuriat /agar dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti orang lain. • Dapat menzahirkan kasih sayang antara keluarga angkat dengan anak angkat/agar keluarga yang harmoni terbina • Mengurangkan kesunyian keluarga angkat/ dengan kehadiran anak angkat yang dikasihi. 	2 isi x 2m = 4m
2	(a)	(i)	<p>Maksud Syak dalam Solat ialah:</p> <p>Keadaan terlupa atau terlalai semasa melakukan ibadat/ seperti terlupa bilangan rakaat atau meninggalkan sunat ab'ad.</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Cara ulamak mengistinbatkan hukum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lafaz: فليطرح و ليين. • Huraian: fe'el mudhorik didahului dengan lamul amri yang menunjukkan perintah. • Kaedah: Setiap perintah adalah wajib. • Hukum: Wajib menghilangkan syak dalam solat berdasarkan keyakinan. 	4 isi x 1m = 4m
	(b)		<p>2 hujah untuk menyokong pernyataan bahawa solat dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar ialah:</p>	

		<ul style="list-style-type: none"> • Solat yang sempurna dapat mencegah dan menjauhkan diri kita daripada perbuatan keji dan mungkar/ seperti mencuri dan berzina. • Dengan melakukan solat seseorang itu akan terdorong untuk melakukan kebaikan dan amal soleh/ seperti sentiasa menutup aurat. • Solat juga akan dapat melahirkan seseorang yang berdisiplin/ kerana sentiasa menepati masa mendirikan solat. <p>Catatan: Mana-mana jawapan munasabah lain diterima</p>	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Cara penyelesaian masalah:	2 isi x 1m = 2m
		(i) Aminah hendaklah segera berdiri menyempurnakan rukuk pada rakaat terakhir tadi/ serta disunatkan sujud sahwi sebelum memberi salam.	
		(ii) Encik Ali perlu meneruskan solat serta disunatkan sujud sahwi sebelum memberi salam / kerana meninggalkan sunat ab'ad.	2 isi x 1m = 2m
	(d)	Tiga cara untuk mengatasi masalah di atas (tidak khusyuk) ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Memahami bacaan dalam solat /agar tumpuan sepenuhnya dapat diberikan dalam solat. • Melakukan solat dalam keadaan yang tenang/ seperti tempat solat yang sesuai tanpa gangguan. • Menumpukan perhatian sepenuhnya dengan melihat tempat sujud/ agar dapat melahirkan khusyuk dalam solat <p>Catatan: Mana-mana jawapan munasabah lain diterima</p>	3 isi x 2m = 6m
3	(a)	(i) Maksud haji : Mengunjungi Baitullah al Haram di Mekah pada masa tertentu/ untuk menunaikan ibadah tertentu dengan syarat-syarat tertentu.	2 isi x 1m= 2m
		(ii) Dua syarat الاستطاعة melakukan haji secara sendiri: <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kesihatan tubuh badan yang membolehkannya untuk mengerjakan haji. • Mempunyai harta yang mencukupi untuk bermusafir bagi perbelanjaan makanan, minuman, pakaian, penginapan dan keperluan-keperluan yang lain. • Mempunyai perbelanjaan yang mencukupi bagi keperluan semua orang yang dibawah tanggungan yang ditinggalkan sepanjang tempoh bermusafir. • Mempunyai kenderaan untuk pergi dan pulang atau mempunyai tambang kenderaan. • Boleh bermusafir pergi dan pulang secara aman dan selamat tanpa sebarang ancaman kepada nyawa dan harta. • Mempunyai masa dan kesempatan yang cukup untuk bermusafir dan menunaikan haji. 	2 isi x 2m= 4m

	(b)	(i)	Hukum: Tidak sah Alasan: Syarat sah tawaf ialah berwuduk	2 isi x 1m= 2m
		(ii)	Hukum: Wajib membayar dam Alasan: Melanggar larangan ihram	2 isi x 1m= 2m
	(c)		Dua kaedah pensabitan hukuman jenayah dalam Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Ikrar : pengakuan seseorang terhadap jenayah yang dilakukannya • Syahadah : keterangan yang diberikan oleh saksi yang melihat atau mendengar jenayah yang dilakukan oleh orang lain • Qarinah : Bukti kukuh yang menunjukkan bahawa jenayah telah berlaku • Sumpah : sumpah pendakwa kerana tidak mempunyai bukti atau saksi setelah orang yang didakwa enggan bersumpah menafikan tuduhan jenayah keatasnya 	2 isi x 2m= 4m
	(d)		Tiga usaha yang boleh dilakukan bagi menjauhi perlakuan jenayah ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Beribadah dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas agar dapat mencegah diri daripada melakukan maksiat • Tidak berkawan dengan orang yang mempunyai akhlak yang buruk supaya kehidupan terpelihara daripada perkara negatif • Sentiasa mendengar nasihat ibu bapa dan guru agar hidup sentiasa diberkati Allah. • Mematuhi peraturan didalam sekolah dan diluar sekolah supaya diri menjadi seorang yang berdisiplin. • Sentiasa bermuhasabah diri dan bertaubat terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan agar terpelihara dari api neraka. <p>Catatan: Mana-mana jawapan munasabah lain diterima</p>	3 isi x 2m= 6m
4	(a)	(i)	Dua pembahagian al-Sunnah: <ul style="list-style-type: none"> • Al-Sunnah Al-Qauliyyah • Al-Sunnah Al-Fikliyyah • Al-Sunnah Al-Taqririyyah 	2 isi x 1m= 2m
		(ii)	Fungsi Al-Sunnah: <ul style="list-style-type: none"> • menguatkan hukum hakam yang terdapat di dalam al-Quran dengan mengulangi kewajipan tersebut di dalam al-Sunnah • Memperincikan hukum yang dinyatakan secara umum di dalam al-Quran • Mengkhususkan hukum umum yang terdapat di dalam al-Quran • Menasakh dan membatalkan hukum yang terkandung dalam al-Quran • Menyatakan hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran 	1 isi x 2m= 2m

(b)		Dua rukun Qias :									
		<table border="1"> <tr> <td>1. Al-Aslu</td> <td>Perkara yang dinyatakan hukumnya oleh nas syarak</td> </tr> <tr> <td>2. Hukum al-Aslu</td> <td>Hukum yang dinyatakan oleh nas syarak</td> </tr> <tr> <td>3. Al-Faru'</td> <td>Perkara yang tidak mempunyai hukum yang dinyatakan oleh nas syarak</td> </tr> <tr> <td>4. Al-Illah</td> <td>Sifat persamaan yang wujud antara al-Aslu dan Al-Faru'</td> </tr> </table>	1. Al-Aslu	Perkara yang dinyatakan hukumnya oleh nas syarak	2. Hukum al-Aslu	Hukum yang dinyatakan oleh nas syarak	3. Al-Faru'	Perkara yang tidak mempunyai hukum yang dinyatakan oleh nas syarak	4. Al-Illah	Sifat persamaan yang wujud antara al-Aslu dan Al-Faru'	2 isi x 2m = 4m
1. Al-Aslu	Perkara yang dinyatakan hukumnya oleh nas syarak										
2. Hukum al-Aslu	Hukum yang dinyatakan oleh nas syarak										
3. Al-Faru'	Perkara yang tidak mempunyai hukum yang dinyatakan oleh nas syarak										
4. Al-Illah	Sifat persamaan yang wujud antara al-Aslu dan Al-Faru'										
(c)	(i)	<p>Dua matlamat penubuhan Mahkamah Syariah di Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> Membicarakan pertelingkahan berkaitan undang-undang Islam bagi individu beragama Islam sahaja Mendengar dan mengadili kes-kes yang berkaitan dengan jenayah syariah dan kes-kes Mal. 	2 isi x 2m = 4m								
	(ii)	<p>Usaha memartabatkan Mahkamah Syariah</p> <ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf bidang kuasa jenayah mahkamah syariah dari sudut jumlah denda, dan hukuman penjara Kekuatan keputusan di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah, tidak boleh dicabar, dipinda atau dibicarakan di mahkamah sivil Kebebasan Mahkamah Syariah beroperasi dengan pemisahan dari Majlis Agama Islam dan mufti Perundangan yang lebih jelas dan komprehensif seperti undang-undang keluarga, keterangan dan jenayah Skim perkhidmatan dan Latihan kakitangan yang lebih baik seperti Latihan dan kenaikan pangkat Infrastruktur dan kemudahan mahkamah yang lebih baik seperti bangunan dan kemudahan teknologi 	1 isi x 2m = 2m								
(d)		Dua perbezaan antara tamadun Islam dengan tamadun barat	4 isi x 1m = 4m								
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tamadun Islam</th> <th>Tamadun Barat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Islam adalah asas tamadun dan prinsipnya tidak berubah</td> <td>1. Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah</td> </tr> <tr> <td>2. Berkonsepskan kesepaduan antara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia</td> <td>2. Tertumpu kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama</td> </tr> <tr> <td>3. Semua aspek kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama</td> <td>3. Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan agama</td> </tr> </tbody> </table>	Tamadun Islam	Tamadun Barat	1. Islam adalah asas tamadun dan prinsipnya tidak berubah	1. Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah	2. Berkonsepskan kesepaduan antara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia	2. Tertumpu kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama	3. Semua aspek kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	3. Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan agama	
	Tamadun Islam	Tamadun Barat									
	1. Islam adalah asas tamadun dan prinsipnya tidak berubah	1. Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah									
2. Berkonsepskan kesepaduan antara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia	2. Tertumpu kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama										
3. Semua aspek kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	3. Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan agama										
(e)		<p>Kesan tamadun Islam dari sudut ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> Menutup ruang penindasan golongan kaya ke atas golongan miskin Jaminan hak menjalankan aktiviti ekonomi kepada semua golongan masyarakat Memperkenalkan konsep ekonomi yang telus bagi membolehkan persaingan secara harmoni. 	1 isi x 2m = 2m								

5	(a)	(i)	<p>Maksud Lafaz Muqayyad ialah:</p> <p>Lafaz yang menunjukkan satu perkara yang tidak tertentu dalam jenisnya/ tetapi dikaitkan sifat yang mengikatnya.</p> <p>Atau Lafaz yang menunjukkan satu perkara/ yang ditentukan (dengan sifat).</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<ul style="list-style-type: none"> Berpuasa dua bulan (فصيام شهرين) dalam ayat ini telah diikat dengan sifat berturut-turut (متتابعين). Maka kaffarah zihar adalah wajib berpuasa dua bulan berturut-turut. 	2 isi x 1m = 2m
	(b)	<p>Huraian lafaz Mutlaq beserta dalil taqyid:</p> <ul style="list-style-type: none"> Lafaz وصية adalah lafaz mutlaq Ia menjadi Mutlaq kerana tidak diikat dengan mana-mana sifat yang membawa maksud wasiat tidak ditetapkan kadar tertentu. Lafaz الثلث adalah lafaz taqyid Yang menetapkan kadar wasiat hanya 1/3 sahaja. 	4 isi x 1m = 4m	
	(c)	(i)	<p>Dua asas dalam Maqasid Syariah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memelihara agama- حفظ الدين Memelihara diri- حفظ النفس Memelihara keturunan dan kehormatan- حفظ النسب Memelihara harta- حفظ المال Memelihara akal- حفظ العقل 	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Sejarah perkembangan perundangan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w.:</p> <ul style="list-style-type: none"> Zaman Mekah: <ul style="list-style-type: none"> Perundangan pada zaman Mekah berlangsung selama 13 tahun. Penekanan kepada pembentukan akidah dan memelihara akal pemikiran daripada kepercayaan jahiliah. Perkara yang diberikan tumpuan adalah larangan membunuh anak perempuan, berzina, minum arak dan segala bentuk keganasan serta penindasan dan kezaliman. Zaman Madinah: <ul style="list-style-type: none"> Perundangan pada zaman Madinah berlangsung selama 10 tahun. Penyatuan kaum muhajirin dan ansar, lambang kesatuan dan perluasan penyebaran dakwah di Madinah. Allah memberi peringatan tentang sifat orang munafik dan berhati-hati dengan orang yahudi yang sentiasa 	2 isi x 2m = 4m

		<p>melakukan permusuhan dengan mengambil harta secara paksaan dan mengamalkan riba'.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Disyariatkan kewajipan ibadat seperti puasa, zakat, haji, hudud, qisas dan membayar diat. 	
(d)		<p>Aspek kegemilangan tamadun bani Uthmaniyyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pentadbiran • Ketenteraan • Ekonomi 	2 isi x 1m = 2m
(e)		<p>Dua faktor kemerosotan tamadun Bani Uthmaniyyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelemahan penghayatan Islam dalam jiwa para khalifah. Mereka tamak untuk mengekalkan kuasa dan takhta pemerintahan antara anak-anak khalifah. • Kelemahan kepimpinan apabila terdapat khalifah yang dilantik pada usia yang terlalu muda gagal mengendalikan pentadbiran kerajaan dan menyusun strategi ketenteraan. • Umat Islam ketinggalan dalam bidang teknologi yang menyebabkan musuh-musuh kerajaan bani Uthmaniyyah menguasai teknologi persenjataan dan peperangan. • Penyelewengan tentera elit daripada tujuan asalnya untuk melaksanakan misi ketenteraan dan melindungi rakyat kepada rakyat serta melakukan kezaliman. • Pelantikan Menteri-menteri yang tidak berkeelayakan oleh khalifah serta mereka tidak lagi mentadbir dan mengetuai peperangan dengan sendiri disebabkan mereka mula sibuk dengan hal-hal keduniaan yang tidak penting. • Pembaziran khalifah terhadap sumber hasil negara seperti pembinaan istana khalifah yang hampir mencecah 1/3 hasil kewangan negara. • Bebanan hutang yang tinggi diambil dari negara-negara eropah sehingga menyebabkan kerajaan Uthmaniyyah tidak mampu membayarnya. • Kelemahan sistem Pendidikan yang meminggirkan Pendidikan Islam dan menggalakkan Pendidikan sekular. 	2 isi x 2m = 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT